

Headline	PNB sedia tambah ekuiti di luar negara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	10 Jan 2017	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	18
ArticleSize	647 cm ²	Journalist	NUR NAZLINA
PR Value	RM 38,363		



PNB sedia tambah ekuiti di luar negara

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 9 JAN.

PERMODALAN Nasional Bhd. (PNB) bersedia memperluaskan portfolio pelaburan ekuitinya di luar negara pada masa depan bagi membawa pulangan yang lebih baik kepada para pelabur.

Pengerusi PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, walau bagaimanapun buat masa ini, PNB hanya melabur sebanyak dua peratus bagi ekuiti luar negara dan selebihnya membabitkan pelaburan di dalam negara.

Katanya, memandangkan pemegang unit amanah saham PNB adalah dalam kalangan rakyat negara ini, maka pilihannya mahu pelaburan yang dibuat juga berada dalam ekonomi Malaysia.

"Sudah tentu apabila kami membuat pelaburan adalah dalam kedua-dua ekuiti awam dan pelaburan swasta yang seterusnya menyumbang kepada pendapatan. Kami percaya pulangan pendapatan adalah lebih stabil dengan cara begini.

"Namun, sudah tentu dari semasa ke semasa kami akan melihat untuk mempelbagaikan portfolio termasuk ekuiti di luar negara, tetapi buat masa ini pelaburan dalam ekuiti luar negara adalah dua peratus," katanya dalam majlis pelantikan Kumpulan AmBank sebagai ejen Amanah Saham Nasional Bhd. (ASNB) di sini hari ini.

Sudah tentu dari semasa ke semasa kami akan melihat untuk mempelbagaikan portfolio termasuk ekuiti di luar negara.

ABDUL WAHID OMAR
Pengerusi PNB

Melalui pelantikan tersebut, AmBank menjadi ejen kelapan yang menawarkan produk ASNB di cawangan-cawangannya di seluruh negara.

Sementara itu, Abdul Wahid berkata, pasaran saham bagi tahun ini dijangka berada pada tahap yang lebih baik.

"Kami percaya pada masa depan dengan asas yang lebih baik dalam korporat di Malaysia dan pendapatan dijangka meningkat pada 2017, akan menjadikan kedudukan pada tahap lebih baik," ujarnya.

PNB pada 24 November lalu, menggariskan Pelan Strategik 2017-2020 atau dikenali sebagai Program PNB STRIVE-15 yang mengandungi 15 inisiatif utama di bawah tiga tunjang iaitu meningkatkan pulangan mapan, pengurusan pelaburan yang efektif dan kecemerlangan operasi.

PNB yang ditubuhkan pada 1978

merupakan pelabur utama di Bursa Malaysia, dengan nilai pelaburan berjumlah RM170 bilion atau 10 peratus daripada modal pasaran di bursa dalam syarikat-syarikat utamadi Malaysia.

Antara syarikat strategik kumpulan PNB termasuklah Malayan Banking Berhad (Maybank), Sime Darby Berhad (Sime Darby), UMW Holdings Berhad (UMW), SP Setia Berhad (SP Setia), Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) dan MNRB Holdings Berhad (MNRB). Syarikat teras lain ialah Axiata Berhad (Axiata), Tenaga Nasional Berhad (TNB), CIMB Holdings Berhad (CIMB), Maxis Berhad (Maxis) dan Telekom Malaysia Berhad (TM).



ABDUL WAHID OMAR (empat dari kiri) bersalaman dengan Pengerusi Kumpulan AmBank, Tan Sri Azman Hashim pada majlis pelantikan Kumpulan AmBank sebagai ejen rasmi Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) samptil disaksikan oleh pegawai-pegawai kanan AmBank dan ASNB di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD. RAHMAN

